

27th Julai 2020

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Pensijilan Semula MSPO Bagi SPOC Q11 Kabong & Roban

Malaysian Palm Oil Board (MPOB) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan audit pensijilan semula MSPO untuk SPOC Q11 Kabong & Roban. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Unit Pengurusan Ladang			
SPOC Q11 Kabong & Roban			
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (ha)
SPOC Q11 Kabong & Roban	Pejabat MPOB Cawangan Saratok, 1 st & 2 nd Floor, Taman Muhibbah, 95400 Saratok, Sarawak, Malaysia	001° 45' 30" N 111° 20' 10" E	4,370.26
Jumlah Luas Ladang			4,370.26

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan semula terhadap SPOC Q11 Kabong & Roban pada 7th - 10th September 2020. Audit pensijilan semula akan diadakan menurut MS 2530-2:2013 - *General principles for independent smallholders*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit pensijilan semula di SPOC Q11 Kabong & Roban terdiri daripada:

Muhamad Naquiuddin Mazeli sebagai Ketua Juruaudit (Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman & luaran, pematuhan undang-undang), **Vijay Kanna Pakirisamy** sebagai Juruaudit (Aspek alam sekitar, HCV & perlepasan gas rumah hijau, pematuhan undang-undang), dan **Mohamad Fitri Mustafa** sebagai Juruaudit (Amalan pengurusan baik untuk ladang, keselamatan & kesihatan pekerja, pematuhan undang-undang).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/ komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam sekitar & aspek sosial
- Pelindungan alam sekitar
- Pemuliharaan biodiversity
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat

- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Emel:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim:

Azrul Wan Azizan
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
BSI Services Malaysia, Suite 29.01
Level 29, The Gardens North Tower
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603 9212 9638
Faks : +603 9212 9639
Emel : Azrul.WanAzizan@bsigroup.com

DAN/ATAU Auditee:

Mohd Shahrin Rahami
Ketua Unit Piawaian Kemampanan dan Pensijilan,
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Pejabat MPOB, Cawangan Bangi
Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor, Malaysia
Tel : +603 8911 0181
Faks : -
Emel : mohd.shahrin@mpob.gov.my

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Azrul Wan Azizan
Director
Operations and Compliance & Risk - Assurance

BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Co. Reg 200801003189
Suite 29.01 Level 29,
The Gardens North Tower,
Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur

T: +6 03 9212 9638
F: +6 03 9212 9639
info.malaysia@bsigroup.com
bsigroup.com.my

